



PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
Faks : 03-2698 9218  
Email : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

10 November 2016

Khamis

**KENYATAAN MEDIA YB DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN, PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN MENGENAI LAPORAN PAC PROGRAM  
SUBSIDI BENIH PADI SAH DI BAWAH KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS  
TANI**

- 1) PAC Parlimen hari ini, membentangkan Laporan PAC Program Subsidi Benih Padi Sah di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang dibentangkan dalam Laporan Ketua Audit Negara di Parlimen pada 10 November 2015.
- 2) PAC Parlimen memulakan prosiding terhadap Program Subsidi Benih Padi Sah pada 31 Mac 2015 dengan Mantan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Arif Ab Rahman memberikan penjelasan berhubung isu-isu dalam program berkenaan di hadapan Jawatankuasa ini.
- 3) Dalam prosiding berkenaan, PAC Parlimen meneliti isu-isu berikut:
  - i) Pencapaian Pengeluaran Benih Padi Sah; dan
  - ii) Pengurusan Subsidi Benih Padi Sah.
- 4) Sehubungan itu, PAC Parlimen membuat rumusan bahawa:
  - i) Secara keseluruhannya, PAC Parlimen mendapati pengurusan Program Subsidi Benih Padi Sah adalah memuaskan bagaimana pun isu-isu yang berkaitan dengan pembayaran adalah kurang memuaskan.

- ii) PAC Parlimen berpendapat masih banyak ruang perlu diperbaiki khususnya, dalam soal pembayaran kepada syarikat pengeluar benih padi sah bagi mengelakkan ketirisan terhadap hasil kerajaan.
- 5) PAC Parlimen mengesyorkan kepada Kerajaan beberapa perkara seperti berikut:
  - i) MoA perlu meneliti hasil siasatan SPRM dan membuat penambahbaikan dalam pengurusan setiap program di bawah MoA.
  - ii) KSU MoA sebagai Pegawai Pengawal hendaklah tegas dalam menangani isu *improper payment* dan memastikan pengurusan kewangan di Kementerian adalah lebih mantap.
  - iii) Meneliti perkara-perkara yang dibangkitkan dalam laporan ini dan mengambil inisiatif tindakan terhadap syor PAC serta perkara-perkara yang dikenalpasti sebagai punca kepada masalah yang timbul.
  - iv) Mengambil pengajaran (lesson learnt) daripada punca masalah sebagai iktibar untuk proses penambahbaikan yang berterusan dalam lain-lain sistem pengurusan program Kerajaan serta yang akan dilaksanakan pada masa akan datang.
  - v) Punca masalah terutamanya dalam kelemahan daripada segi pembayaran hendaklah dikaji secara teliti oleh Kerajaan bagi memastikan perkara sama tidak berlaku dalam lain-lain program dan agensi Kerajaan.
- 6) Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC Parlimen berhubung Program Subsidi Benih Padi Sah di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani boleh memuat turun (*download*) laporan berkenaan di laman web PAC di alamat [www.parlimen.gov.my/pac](http://www.parlimen.gov.my/pac).